

U PB 06-11 00169 PW097

BAH DEM

Maha thir - Usahawan

XERAJAAN AKAN PILIH 'USAHAWAN SESUAI UNTUK SISTEM FRANCAIS

XUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Kerajaan sedang memilih usahawan Melayu dan Bumiputera yang sesuai bagi menceburi perniagaan-perniagaan tertentu yang akan dilaksanakan mengikut sistem francais, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sudahpun mengenal pasti banyak bidang yang boleh dilaksanakan mengikut sistem berkenaan seperti sektor perhotelan, makanan dan percetakan.

+Kita (kerajaan) akan umumkan perkara ini (pemilihan usahawan) pada orang ramai. Yang saya cuba hari ini ialah mengemukakan pendekatan baru oleh kerajaan, + katanya pada persidangan akhbar selepas merasmikan Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Dr Mahathir juga berkata bahawa kerajaan akan menggunakan strategi-strategi baru bagi meningkatkan kemampuan usahawan Melayu dan Bumiputera bersaing di bidang perniagaan termasuk dalam urusan pemberian lesen.

+Antaranya, dulu kita sering beri lesen untuk satu orang yang kemampuannya terhad untuk berniaga. Dengan itu, kemungkinan dia dapat bersaing dengan syarikat besar memang tidak ada. -- Lagi.

▼06/11/14-47MST

CNS9881

U PB 06-11 00105 PW098

BAH DEM

Mahathir - Usahawan 2' (Akhir) Xuala Lumpur

+Umpamanya, kita beri satu lesen untuk satu teksi; satu lesen untuk satu lori. Dengan ini, dia cuma boleh berniaga dengan kecil dan tidak boleh berlawanan dengan syarikat yang besar, + tambah beliau.

Semasa menyampaikan amanatnya terdahulu, Presiden UMNO itu menyarankan orang Melayu dan Bumiputera perlu membentuk budaya niaga baru yang lebih sesuai dengan iklim perniagaan sekarang.

Dr Mahathir berharap mereka akan dapat menyahut seruan itu dan mengubah sikap bagi meningkatkan kemampuan mereka sendiri.

Katanya, kerajaan sentiasa bersedia untuk membantu para usahawan itu sekiranya mereka mengubah sikap. -- Bernama.

▼06/11/14-48MST